

Syarikat insurans perlu kawal kos

BN - 3 AUG 1994

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta syarikat insurans mengawal kos operasinya dan meningkatkan produktiviti bagi memperbaiki kedudukan industri serta memastikan kepentingan pemegang polisi tidak terjejas.

Perdana Menteri berkata, hanya syarikat insurans yang menekankan kawalan efektif terhadap kos berupaya untuk terus beroperasi dalam jangka masa panjang.

Katanya, keupayaan mengambil peluang pasaran yang terserlah di samping mengatasi masalah struktur dan operasi yang masih berlanjutan bergantung kepada kebolehan syarikat insurans sendiri.

"Antara isu yang paling mendesak dan membabitkan

tenaga agensi secara langsung ialah tahap kos operasi syarikat insurans nyawa yang begitu tinggi dan mencerminkan kawalan kos operasi yang tidak efektif.

"Jika kedudukan ini dibiarkan berterusan dalam jangka panjang, ia akan menggugat kedudukan kewangan dan daya tahan syarikat insurans.

"Kadar perbelanjaan industri insurans nyawa yang tinggi juga jelas sekali menjejaskan kepentingan pemegang polisi," katanya di majlis pelancaran Persatuan Ejen-Ejen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (Jamin), di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan, Senator Datuk Mustapa Moha-

med, dan Yang Dipertua Jamin, Mohd Zainuddin Abu Bakar.

Dr Mahathir berkata, tenaga agensi terbabit harus bersedia bertolak-ansur dalam usaha mengatasi masalah ini dan tidak hanya bergantung semata-mata terhadap usaha kerajaan.

"Hasrat memantapkan industri insurans akan dapat dicapai jika semua pihak yang terbabit dalam industri insurans nyawa dapat bergerak selari dan menetapkan perbezaan kepentingan bagi mencapai kepentingan negara yang lebih besar iaitu menjadikan industri ini sebagai komponen sektor kewangan dan perkhidmatan yang utama, ku-

LIHAT MUKA, 2

Syarikat insurans perlu kawal kos

BN - 3 AUG 1994

DARI MUKA 1

kuh dan berdaya maju.

"Oleh itu, setiap pihak harus bersedia menetapkan kepentingan peribadi demi kepentingan nasional," katanya.

Perdana Menteri berkata, pencapaian industri insurans tidak begitu memuaskan walaupun wujud peningkatan. Oleh itu, katanya, industri insurans perlu bersedia menampung permintaan insurans yang semakin canggih dan kompleks.

Dr Mahathir berharap Jamin berusaha menambah bilangan ejen Bumiputera profesional dan

meningkatkan prestasinya kerana jumlah mereka amat kecil iaitu kira-kira 8.4 peratus pada akhir 1993.

Mengcni permintaan Mohd Zainuddin mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri bagi membincangkan masalah yang wujud dalam industri insurans, Dr Mahathir berkata, beliau bersedia mengadakan pertemuan itu.

"Kerajaan mempunyai sikap terbuka dan akan menimbang segala rintihan yang dikemukakan," katanya.